

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

<https://gaexcellence.com/ijepc>




**KESAHAN KONSTRUK DAN KEBOLEHPERCAYAAN  
INSTRUMEN SIKAP, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN  
GURU DALAM PENGURUSAN DISIPLIN NORMA  
BAHARU SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN SABAH**

*CONSTRUCT VALIDITY AND RELIABILITY OF TEACHERS' ATTITUDE,  
KNOWLEDGE AND SKILLS INSTRUMENT IN NEW-NORM DISCIPLINE  
MANAGEMENT IN RURAL SECONDARY SCHOOLS IN SABAH*

Christy Dulamit<sup>1</sup>, Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 [bibi.christy@yahoo.com.my](mailto:bibi.christy@yahoo.com.my)

 <https://orcid.org/0009-0008-7530-0717>

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 [dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0001-7308-0185>

\*Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 22.04.2026

Revised date: 10.05.2026

Accepted date: 23.06.2026

Published date: 30.06.2026

**To cite this document:**

Dulamit, C., & Dzulkifli, D. N. A. K. (2026). Kesahan Konstruk Dan Kebolehpercayaan Instrumen Sikap, Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Dalam Pengurusan Disiplin Norma Baharu Sekolah Menengah Pedalaman Sabah. *International Journal of Education,*

**Abstrak:**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan bagi mengukur sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu di sekolah menengah pedalaman Sabah. Pengujian instrumen yang sistematik penting bagi memastikan setiap konstruk yang diukur benar-benar mewakili aspek yang hendak dikaji dan sesuai digunakan dalam penyelidikan sebenar. Kajian rintis ini melibatkan seramai 100 orang guru sekolah menengah pedalaman Sabah dan menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen kajian merangkumi empat konstruk utama, iaitu sikap guru, pengetahuan guru, kemahiran guru dan pengurusan disiplin norma baharu. Analisis data dilaksanakan menggunakan Analisis Faktor Penerokaan (EFA) untuk menilai struktur faktor instrumen serta pekali Cronbach's alpha untuk menentukan konsistensi dalaman item. Hasil analisis menunjukkan nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) berada antara .878 hingga .929 dan Ujian Bartlett adalah signifikan, menandakan data memenuhi syarat untuk analisis faktor. Dapatan turut memperlihatkan bahawa konstruk sikap dan pengetahuan terdiri daripada dua komponen, konstruk kemahiran terdiri daripada satu komponen, manakala konstruk pengurusan disiplin norma

*Psychology and Counselling*,  
11(63), 1152-1164.

baharu menghasilkan lapan komponen utama dengan jumlah varians diterangkan antara 76.53% hingga 87.54%. Selain itu, semua konstruk mencatatkan nilai Cronbach's alpha melebihi .90 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat memuaskan. Secara keseluruhannya, instrumen yang dibangunkan mempunyai ciri psikometrik yang baik dan sesuai digunakan dalam kajian berkaitan pengurusan disiplin norma baharu, khususnya dalam konteks sekolah menengah pedalaman Sabah.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.1163069

**Kata Kunci:**

Kebolehpercayaan Instrumen, Kemahiran Guru, Kesahan Konstruk, Pengurusan Disiplin Norma Baharu, Pengetahuan Guru, Sikap Guru

**Abstract:**

This study was conducted to examine the construct validity and reliability of an instrument developed to measure teachers' attitudes, knowledge, skills, and new-norm discipline management in rural secondary schools in Sabah. Establishing the psychometric quality of an instrument is essential to ensure that the intended constructs are measured accurately and consistently before its application in the actual study. A quantitative pilot study involving 100 teachers from rural secondary schools in Sabah was undertaken. The instrument comprised four principal constructs, namely teachers' attitudes, teachers' knowledge, teachers' skills, and new-norm discipline management. Data analysis employed Exploratory Factor Analysis (EFA) to evaluate the underlying factor structure and Cronbach's alpha coefficient to assess internal consistency. The results demonstrated that Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) values ranged from .878 to .929, while Bartlett's Test of Sphericity was statistically significant, indicating the suitability of the data for factor analysis. The attitude and knowledge constructs each produced two components, the skills construct yielded a single component, and the new-norm discipline management construct generated eight principal components with total variance explained ranging from 76.53% to 87.54%. Furthermore, all constructs recorded Cronbach's alpha values exceeding .90, reflecting excellent reliability. Overall, the findings indicate that the instrument possesses satisfactory validity and reliability and is appropriate for use in studies related to new-norm discipline management, particularly within the context of rural secondary schools in Sabah.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijepec@gaexcellence.com](mailto:ijepec@gaexcellence.com)

**Keywords:**

Construct Validity, Instrument Reliability, New-Norm Discipline Management, Teachers' Attitudes, Teachers' Knowledge, Teachers' Skills.

## Pengenalan

Pengurusan disiplin murid merupakan komponen penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta pembentukan persekitaran sekolah yang kondusif. Disiplin yang terurus bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku murid, malah turut memberi kesan terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan emosi mereka (Korpershoek et al., 2016; OECD, 2021; UNESCO, 2020). Dalam konteks pendidikan semasa, perubahan landskap persekolahan yang dipengaruhi oleh norma baharu telah meningkatkan kompleksiti cabaran kepada guru dalam mengurus tingkah laku murid, khususnya dari aspek penyesuaian amalan disiplin dan pengurusan bilik darjah (Emmer & Sabornie, 2015).

Dalam melaksanakan pengurusan disiplin yang berkesan, aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dikenal pasti sebagai elemen penting yang mempengaruhi keupayaan mereka dalam menangani tingkah laku murid secara profesional. Sikap guru terhadap disiplin akan mempengaruhi kecenderungan mereka dalam bertindak, manakala pengetahuan berkaitan dasar dan prosedur disiplin membolehkan tindakan yang diambil adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan. Selain itu, kemahiran guru dalam melaksanakan intervensi disiplin secara praktikal memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pengurusan tingkah laku murid (Bear, 2018; Baumert & Kunter, 2013).

Hubungan antara sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dalam mempengaruhi tindakan profesional boleh dijelaskan melalui Theory of Planned Behavior (Ajzen, 1991) yang menekankan bahawa sikap individu mempengaruhi kecenderungan tingkah laku, serta Social Cognitive Theory (Bandura, 1986) yang mengaitkan pengetahuan dan kemahiran dengan keupayaan melaksanakan tindakan secara berkesan. Kedua-dua perspektif ini menunjukkan bahawa pengurusan disiplin guru tidak hanya bergantung kepada satu aspek, tetapi merupakan hasil interaksi antara pelbagai faktor dalaman yang saling berkaitan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks sekolah menengah pedalaman Sabah, pengurusan disiplin berhadapan dengan cabaran yang lebih kompleks berbanding kawasan lain. Faktor seperti kekangan sumber, kedudukan geografi dan persekitaran sosial memberi kesan kepada pelaksanaan pengurusan disiplin di sekolah (Azano & Stewart, 2015; UNESCO, 2020). Keadaan ini menuntut pendekatan yang lebih kontekstual dan bersesuaian dengan realiti setempat, khususnya dalam memastikan keberkesanan pengurusan disiplin dalam situasi norma baharu.

Namun demikian, semakan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian berkaitan pengurusan disiplin lebih menumpukan kepada hubungan antara pembolehubah tanpa memberi penekanan kepada pembangunan dan penilaian instrumen secara khusus (Sugai & Horner, 2002). Selain itu, terdapat kekurangan kajian yang membangunkan instrumen dalam konteks norma baharu serta kawasan pedalaman, yang mempunyai keunikan tersendiri dari segi pelaksanaan pengurusan disiplin (Sugai & Horner, 2002; Hambleton & Patsula, 1999). Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan dan menilai instrumen yang lebih kontekstual bagi memastikan pengukuran terhadap sikap, pengetahuan dan kemahiran guru adalah tepat dan relevan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menilai kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen yang mengukur sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu dalam konteks sekolah menengah pedalaman Sabah. Penilaian ini penting bagi

memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian sebenar mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, sekali gus menyumbang kepada ketepatan dapatan kajian serta pengukuhan penyelidikan dalam bidang pengurusan pendidikan.

## Sorotan Literatur

Pengukuran dalam penyelidikan pendidikan menuntut penggunaan instrumen yang mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi memastikan dapatan kajian adalah tepat dan boleh dipercayai. Hal ini turut ditegaskan oleh DeVellis (2017) dan Field (2018). Dalam konteks pengurusan disiplin sekolah, pengukuran terhadap sikap, pengetahuan dan kemahiran guru perlu dilaksanakan secara sistematik agar setiap konstruk yang dikaji benar-benar mencerminkan amalan sebenar di lapangan. Hal ini penting kerana pengurusan disiplin bukan sahaja melibatkan tindakan segera terhadap tingkah laku murid, tetapi turut melibatkan pertimbangan profesional yang kompleks dalam pelaksanaan intervensi (Emmer & Sabornie, 2015; Korpershoek et al., 2016).

Hubungan antara sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dalam mempengaruhi tindakan profesional boleh dijelaskan melalui *Theory of Planned Behavior* (Ajzen, 1991) yang menekankan bahawa sikap individu mempengaruhi kecenderungan tingkah laku. Selain itu, *Model COACTIV Kompetensi Profesional Guru* (Baumert & Kunter, 2013) menjelaskan bahawa pengetahuan profesional merupakan asas penting yang mempengaruhi pertimbangan dan tindakan guru dalam konteks pendidikan. Kemahiran profesional pula berfungsi sebagai manifestasi pelaksanaan pengetahuan dan pertimbangan tersebut dalam situasi pengajaran dan pengurusan bilik darjah yang sebenar.

Dalam menilai kesahan instrumen, kesahan konstruk merupakan aspek penting yang merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen benar-benar mengukur konstruk yang dimaksudkan. Analisis Faktor Penerokaan (Exploratory Factor Analysis, EFA) merupakan antara kaedah yang paling meluas digunakan untuk menilai struktur dalaman instrumen dengan mengenal pasti bilangan faktor yang terbentuk serta hubungan antara item dengan konstruk yang diukur (Hair et al., 2019). Perkembangan terkini dalam penyelidikan psikometrik turut menunjukkan bahawa EFA masih merupakan pendekatan yang relevan dan meluas digunakan dalam proses pembangunan serta pengesahan instrumen bagi mengenal pasti struktur faktor yang mendasari sesuatu konstruk dan menyokong pembentukan model pengukuran yang mantap (Howard, 2023). Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) digunakan untuk menilai kecukupan sampel, di mana nilai melebihi .60 dianggap memadai, manakala ujian Bartlett's Test of Sphericity yang signifikan menunjukkan bahawa data adalah sesuai untuk dianalisis menggunakan analisis faktor (Tabachnick & Fidell, 2019).

Selain itu, nilai communalities dan factor loading juga memainkan peranan penting dalam menentukan kekuatan sesuatu item dalam menyumbang kepada konstruk. Item yang mempunyai nilai factor loading yang tinggi menunjukkan bahawa item tersebut mempunyai hubungan yang kukuh dengan faktor yang terbentuk. Struktur faktor yang jelas dan stabil adalah penting bagi memastikan instrumen mempunyai kesahan konstruk yang baik dan boleh digunakan dalam kajian sebenar (Costello & Osborne, 2005). Oleh itu, penggunaan EFA dalam kajian rintis merupakan langkah penting bagi memastikan setiap item dalam instrumen adalah relevan dan menyumbang secara signifikan kepada konstruk yang diukur.

Dari segi kebolehpercayaan, pekali Cronbach's alpha digunakan secara meluas bagi menilai konsistensi dalaman sesuatu instrumen (Hair et al., 2019; Tavakol & Dennick, 2011). Nilai alpha melebihi .70 secara umum dianggap memuaskan, manakala nilai melebihi .90 menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang sangat tinggi (Hair et al., 2019; Tabachnick & Fidell, 2019). Walau bagaimanapun, nilai alpha yang terlalu tinggi juga boleh menunjukkan kemungkinan pertindihan item, yang boleh menjejaskan kecekapan instrumen dalam mengukur konstruk secara optimum. Oleh itu, analisis kebolehpercayaan bukan sahaja penting untuk menilai kestabilan instrumen, tetapi juga untuk mengenal pasti keperluan penambahbaikan item. Kajian metodologi terkini turut menegaskan bahawa Cronbach's alpha masih menjadi indikator penting dalam menilai konsistensi dalaman instrumen, walaupun penggunaannya disarankan bersama ukuran kebolehpercayaan lain seperti McDonald's omega bagi memberikan interpretasi yang lebih menyeluruh terhadap kualiti instrumen (Madadzadeh & Bahariniya, 2025).

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang meneliti pengurusan disiplin dan peranan guru, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan kepada hubungan antara pembolehubah berbanding pembangunan dan pengesahan instrumen secara khusus. Selain itu, kajian dalam konteks tempatan, khususnya di kawasan pedalaman, masih terhad dan kurang memberi perhatian kepada keperluan pembangunan instrumen yang bersesuaian dengan realiti setempat (Azano & Stewart, 2015; Hambleton & Patsula, 1999). Keadaan ini menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan dalam konteks lain mungkin tidak sepenuhnya sesuai digunakan dalam persekitaran sekolah pedalaman yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi sumber, budaya dan cabaran pelaksanaan. Keperluan terhadap pembangunan instrumen yang sah dan boleh dipercayai turut ditegaskan dalam kajian-kajian validasi instrumen terkini yang menunjukkan bahawa proses pembangunan instrumen memerlukan pengujian kesahan dan kebolehpercayaan secara sistematik sebelum digunakan dalam kajian sebenar (Dalawi et al., 2025).

Sehubungan itu, kajian ini mengintegrasikan perspektif Theory of Planned Behavior (Ajzen, 1991) dan Model COACTIV Kompetensi Profesional Guru (Baumert & Kunter, 2013) bagi menjelaskan peranan sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengurusan disiplin norma baharu secara lebih menyeluruh dan kontekstual. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi tindakan profesional guru, sekali gus menyokong keperluan pembangunan instrumen yang sah dan boleh dipercayai dalam konteks kajian ini.

## Metodologi

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian rintis bagi menilai kualiti psikometrik instrumen yang dibangunkan sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Pelaksanaan kajian rintis membolehkan penyelidik mengenal pasti kesesuaian item, kejelasan pernyataan dan keupayaan instrumen mengukur konstruk yang disasarkan secara tepat. Selain itu, proses ini membantu memastikan sebarang kelemahan instrumen dapat diperbaiki sebelum pengumpulan data sebenar dijalankan (Johanson & Brooks, 2010).

Seramai 100 orang guru daripada sekolah menengah pedalaman Sabah telah dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden dibuat menggunakan persampelan bertujuan berdasarkan kesesuaian mereka dengan objektif kajian. Bilangan responden tersebut dianggap

mencukupi untuk tujuan penilaian awal instrumen dan memenuhi cadangan minimum bagi pelaksanaan Analisis Faktor Penerokaan (Comrey & Lee, 1992; Hair et al., 2019).

Instrumen yang digunakan mengandungi empat konstruk utama yang berkaitan dengan pengurusan disiplin norma baharu, iaitu sikap guru, pengetahuan guru, kemahiran guru dan pengurusan disiplin norma baharu. Konstruk sikap diwakili oleh 20 item, pengetahuan oleh 16 item, kemahiran oleh 11 item, manakala konstruk pengurusan disiplin norma baharu terdiri daripada 60 item. Semua item dinilai menggunakan skala Likert lima mata yang menggambarkan tahap persetujuan responden terhadap setiap pernyataan yang dikemukakan. Pembinaan instrumen dilakukan melalui proses adaptasi dan pengubahsuaian beberapa instrumen terdahulu yang berkaitan dengan kompetensi guru dan pengurusan disiplin. Bagi memastikan kesesuaian dengan konteks sekolah menengah pedalaman Sabah, semua item telah melalui semakan pakar dan proses kesahan kandungan sebelum digunakan dalam kajian rintis.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS. Penilaian kesahan konstruk dilakukan melalui Analisis Faktor Penerokaan (Exploratory Factor Analysis, EFA), manakala kebolehpercayaan instrumen ditentukan menggunakan pekali Cronbach's alpha. Dalam prosedur EFA, beberapa indikator diambil kira termasuk nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO), keputusan Bartlett's Test of Sphericity, nilai communalities, factor loading dan jumlah varians diterangkan. Penggunaan indikator-indikator ini membolehkan penyelidik menilai sama ada item-item yang dibangunkan membentuk struktur faktor yang jelas serta mampu mewakili konstruk yang hendak diukur secara memuaskan.

## Dapatan Kajian

Analisis dapatan kajian memfokuskan kepada penilaian kesahan konstruk dan kebolehpercayaan 1157aharu1157an1157 yang dibangunkan. Penilaian ini dilakukan melalui analisis 1157aharu penerokaan (EFA) serta pekali kebolehpercayaan Cronbach's alpha bagi setiap konstruk, iaitu sikap guru, pengetahuan guru, 1157aharu1157an guru dan pengurusan disiplin norma 1157aharu.

**Jadual 1: Nilai KMO Dan Ujian Bartlett**

Konstruk	KMO	Sig.
Sikap Guru	.927	.000
Pengetahuan Guru	.927	.000
Kemahiran Guru	.929	.000
Pengurusan Disiplin Norma Baharu	.878	.000

Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) bagi keempat-empat konstruk berada antara .878 hingga .929, menunjukkan tahap kecukupan sampel yang sangat baik untuk pelaksanaan Analisis Faktor Penerokaan. Di samping itu, keputusan Bartlett's Test of Sphericity yang signifikan ( $p < .05$ ) membuktikan bahawa matriks korelasi yang terhasil adalah sesuai untuk diteruskan kepada analisis faktor. Keputusan ini mengesahkan bahawa data kajian memenuhi keperluan asas bagi proses penentuan struktur konstruk instrumen.

**Jadual 2: Ringkasan Analisis Faktor Penerokaan (EFA)**

Konstruk	Komponen	Varians (%)	Ciri
Sikap Guru	2	77.248	Multidimensi
Pengetahuan Guru	2	76.530	Multidimensi
Kemahiran Guru	1	77.318	Unidimensi
Pengurusan Disiplin Norma Baharu	8	87.539	Multidimensi

Analisis 1158erjay yang dijalankan menunjukkan bahawa struktur konstruk yang dibangunkan mempunyai pola yang berbeza mengikut dimensi yang diukur. Konstruk sikap guru dan pengetahuan guru masing-masing menghasilkan dua komponen utama, sekali gus menggambarkan kewujudan lebih daripada satu dimensi dalam setiap konstruk tersebut. Sebaliknya, konstruk 1158erjaya1158n guru membentuk satu komponen utama yang menunjukkan keseragaman item dalam mengukur konstruk yang sama. Bagi konstruk pengurusan disiplin norma 1158erjay, lapan komponen telah dikenal pasti dengan jumlah varians diterangkan yang tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa 1158erjaya1158nt yang dibangunkan 1158erjaya menggambarkan struktur konstruk yang jelas serta berupaya membezakan dimensi yang terkandung dalam setiap konstruk yang diukur.

**Jadual 3: Nilai Cronbach's Alpha**

Konstruk	Item	Alpha
Sikap Guru	20	.973
Pengetahuan Guru	16	.966
Kemahiran Guru	11	.969
Pengurusan Disiplin Norma Baharu	60	.988

Penilaian kebolehpercayaan menunjukkan bahawa semua konstruk mencapai tahap konsistensi dalaman yang sangat tinggi dengan nilai Cronbach's alpha melebihi .90. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item yang membentuk setiap konstruk mempunyai kestabilan dan keseragaman yang baik dalam mengukur konsep yang sama. Walaupun demikian, nilai alpha yang terlalu tinggi bagi sesetengah konstruk boleh mencerminkan kemungkinan pertindihan kandungan item dan wajar diberikan perhatian dalam penyelidikan lanjutan. Secara keseluruhannya, keputusan yang diperoleh membuktikan bahawa instrumen yang dibangunkan mempunyai ciri psikometrik yang memuaskan untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan memenuhi keperluan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan. Struktur faktor yang jelas serta nilai kebolehpercayaan yang tinggi menunjukkan bahawa instrumen ini adalah sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar bagi mengukur sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu.

### Perbincangan

Perbincangan kajian ini bertumpu kepada penilaian kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan bagi mengukur sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu. Secara umum, keputusan analisis menunjukkan bahawa

instrumen yang dibangun mempunyai struktur faktor yang memuaskan serta tahap konsistensi dalaman yang tinggi. Keadaan ini memberi gambaran bahawa item-item yang dibangun berjaya mewakili konstruk yang diukur dan berpotensi digunakan dalam kajian sebenar. Dapatan tersebut selari dengan pandangan Hair et al. (2019) dan Tabachnick dan Fidell (2019) yang menegaskan bahawa struktur faktor yang jelas dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi merupakan petunjuk penting kepada kualiti sesuatu instrumen pengukuran.

Bagi konstruk sikap guru dan pengetahuan guru, pembentukan dua komponen utama menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk tersebut tidak beroperasi sebagai satu dimensi tunggal. Sebaliknya, konstruk berkenaan merangkumi beberapa aspek yang saling berkaitan dalam menjelaskan kecenderungan dan keupayaan guru dalam mengurus disiplin murid. Penemuan ini menyokong Theory of Planned Behavior yang menjelaskan bahawa sikap individu terhadap sesuatu tingkah laku dipengaruhi oleh pelbagai kepercayaan dan pertimbangan yang membentuk kecenderungan tindakan mereka (Ajzen, 1991). Dalam konteks yang sama, Model COACTIV Kompetensi Profesional Guru turut menegaskan bahawa pengetahuan profesional guru merupakan asas penting yang mempengaruhi pertimbangan dan tindakan dalam pelbagai situasi pendidikan (Baumert & Kunter, 2013).

Sebaliknya, konstruk kemahiran guru membentuk satu komponen utama yang menunjukkan bahawa item-item yang dibangun menumpukan kepada satu domain kompetensi yang relatif seragam. Keadaan ini menggambarkan bahawa responden memberikan maklum balas yang konsisten terhadap item-item yang berkaitan dengan kemahiran pengurusan disiplin. Penemuan ini sejajar dengan Social Cognitive Theory yang mengaitkan kemahiran dengan keupayaan individu untuk melaksanakan tindakan secara berkesan berdasarkan pengalaman, pembelajaran dan penguasaan tingkah laku tertentu (Bandura, 1986). Oleh itu, struktur unidimensi yang diperoleh memberikan petunjuk bahawa konstruk kemahiran dalam kajian ini berjaya mengukur aspek yang sama secara konsisten.

Bagi konstruk pengurusan disiplin norma baharu, pembentukan lapan komponen utama mencerminkan sifat konstruk yang lebih kompleks dan pelbagai dimensi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengurusan disiplin dalam persekitaran pendidikan semasa melibatkan pelbagai aspek yang saling berkaitan, termasuk pematuhan kepada dasar, pelaksanaan program disiplin, pengurusan organisasi serta tindakan intervensi yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Penemuan ini adalah selaras dengan kajian oleh Sugai dan Horner (2002, 2020) serta Bear (2018) yang menegaskan bahawa pengurusan disiplin yang berkesan memerlukan gabungan pelbagai strategi dan pendekatan yang saling melengkapi. Dalam konteks norma baharu, kepelbagaian dimensi ini menjadi semakin penting kerana guru perlu menyesuaikan amalan disiplin dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran persekolahan.

Dari perspektif kebolehpercayaan, nilai Cronbach's alpha yang melebihi .90 bagi semua konstruk membuktikan bahawa instrumen yang dibangun mempunyai tahap konsistensi dalaman yang sangat baik. Dapatan ini menyokong cadangan Hair et al. (2019) bahawa nilai alpha yang tinggi menunjukkan kestabilan hubungan antara item-item dalam sesuatu konstruk. Walau bagaimanapun, seperti yang dihuraikan oleh Tavakol dan Dennick (2011), nilai kebolehpercayaan yang terlalu tinggi juga boleh memberi petunjuk kepada kemungkinan pertindihan kandungan item. Oleh itu, semakin lanjut terhadap item-item tertentu boleh dipertimbangkan dalam kajian akan datang bagi meningkatkan kecekapan instrumen tanpa menjejaskan ketepatan pengukurannya.

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini mengesahkan bahawa instrumen yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri psikometrik yang memuaskan dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar. Selain menyumbang kepada pengukuhan aspek pengukuran dalam penyelidikan pengurusan disiplin sekolah, dapatan ini turut memperlihatkan kepentingan pembangunan instrumen yang mengambil kira konteks tempatan, khususnya dalam persekitaran sekolah menengah pedalaman Sabah yang mempunyai cabaran dan keperluan yang tersendiri (Azano & Stewart, 2015). Oleh itu, instrumen yang dibangunkan berpotensi menjadi asas kepada penyelidikan lanjutan berkaitan kompetensi guru dan pengurusan disiplin dalam pelbagai konteks pendidikan.

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap penyelidikan dan amalan pengurusan disiplin sekolah. Dari sudut metodologi, dapatan kajian menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan mempunyai tahap kesahan konstruk dan kebolehpercayaan yang baik berdasarkan Analisis Faktor Penerokaan dan nilai Cronbach's alpha yang tinggi. Oleh itu, instrumen ini berpotensi digunakan sebagai alat pengukuran yang sistematik bagi menilai sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu dalam pelbagai konteks pendidikan.

Dari sudut penyelidikan, instrumen yang dibangunkan boleh digunakan sebagai asas kepada kajian lanjutan yang melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai latar belakang sekolah. Selain itu, kajian lanjutan menggunakan Analisis Faktor Pengesahan (Confirmatory Factor Analysis, CFA) dicadangkan bagi mengesahkan lagi struktur faktor yang diperolehi dalam kajian rintis ini. Penggunaan instrumen yang mempunyai ciri psikometrik yang baik dapat membantu meningkatkan ketepatan pengukuran dan kualiti dapatan penyelidikan berkaitan pengurusan disiplin sekolah.

Dari sudut amalan pendidikan, instrumen ini boleh digunakan oleh pihak sekolah, pentadbir dan pihak berkepentingan untuk mengenal pasti tahap sikap, pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengurusan disiplin. Maklumat yang diperolehi melalui instrumen ini boleh membantu dalam perancangan latihan profesional, pembangunan kompetensi guru dan pelaksanaan intervensi yang lebih bersasar bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan disiplin sekolah.

Selain itu, kajian ini turut memberikan implikasi dalam konteks sekolah menengah pedalaman. Kebanyakan instrumen berkaitan pengurusan disiplin dibangunkan dalam konteks pendidikan yang lebih umum, sedangkan sekolah pedalaman mempunyai cabaran dan keperluan yang berbeza. Oleh itu, instrumen yang dibangunkan dalam kajian ini dapat menyumbang kepada penyediaan alat pengukuran yang lebih kontekstual dan sesuai dengan realiti pelaksanaan pengurusan disiplin di sekolah menengah pedalaman Sabah.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mengesahkan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan untuk mengukur sikap, pengetahuan dan kemahiran guru serta pengurusan disiplin norma baharu dalam konteks sekolah menengah pedalaman Sabah. Dapatan Analisis Faktor Penerokaan (EFA) menunjukkan bahawa semua konstruk mempunyai struktur faktor yang jelas dan memenuhi keperluan kesahan konstruk, manakala nilai Cronbach's alpha yang tinggi membuktikan bahawa instrumen ini mempunyai

tahap konsistensi dalaman yang sangat baik. Keputusan ini menunjukkan bahawa item-item yang dibangunkan berupaya mengukur konstruk yang dikaji secara sistematik, konsisten dan bersesuaian dengan konteks kajian.

Selain menyumbang kepada pengukuhan aspek pengukuran dalam penyelidikan pengurusan disiplin sekolah, kajian ini turut menyediakan instrumen yang telah melalui proses penilaian psikometrik yang sistematik sebelum digunakan dalam kajian sebenar. Instrumen yang dibangunkan berpotensi digunakan dalam penyelidikan lanjutan berkaitan kompetensi guru dan pengurusan disiplin sekolah serta boleh dijadikan asas kepada kajian pengesahan lanjut menggunakan Analisis Faktor Pengesahan (CFA). Oleh itu, instrumen ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan penyelidikan yang lebih berkualiti dan memperkukuh bidang pengurusan pendidikan, khususnya dalam konteks sekolah menengah pedalaman Sabah.

- 
- Penghargaan:** Penulis merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat, serta semua pihak sekolah dan guru yang telah memberikan kerjasama serta sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini.
- Penyataan  
Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau geran penyelidikan khusus daripada mana-mana agensi kerajaan, sektor swasta atau organisasi bukan berasaskan keuntungan.
- Pernyataan Konflik  
Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.
- Pernyataan Etika:** Kajian ini telah dijalankan selaras dengan prinsip dan piawaian etika penyelidikan pendidikan. Kebenaran untuk menjalankan kajian telah diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dan pihak sekolah yang terlibat. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum proses pengumpulan data dijalankan. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan semua responden dijamin kerahsiaan serta anonimitinya. Semua data yang dikumpulkan digunakan sepenuhnya untuk tujuan akademik dan penyelidikan.
- Pernyataan  
Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Christy Dulamit bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, pembangunan instrumen, pengumpulan data, analisis data, pentafsiran dapatan serta penyediaan manuskrip. Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli menyumbang dalam penyeliaan kajian, pembangunan idea penyelidikan, bimbingan metodologi, semakan kritikal dan penambahbaikan manuskrip. Kedua-dua penulis telah terlibat dalam perbincangan akademik, membaca, menyemak dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
-

## Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Azano, A. P., & Stewart, T. T. (2015). Confronting challenges at the intersection of rurality, place, and teacher preparation: Improving efforts in teacher education to staff rural schools. *Global Education Review*, 2(3), 108–128.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Baumert, J., & Kunter, M. (2013). The COACTIV model of teachers' professional competence. In M. Kunter, J. Baumert, W. Blum, U. Klusmann, S. Krauss, & M. Neubrand (Eds.), *Cognitive activation in the mathematics classroom and professional competence of teachers* (pp. 25–48). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-1-4614-5149-5\\_2](https://doi.org/10.1007/978-1-4614-5149-5_2)
- Bear, G. G. (2018). *School discipline and self-discipline: A practical guide to promoting prosocial student behavior*. Guilford Press.
- Blömeke, S., Gustafsson, J.-E., & Shavelson, R. J. (2015). Beyond dichotomies: Competence viewed as a continuum. *Zeitschrift für Psychologie*, 223(1), 3–13. <https://doi.org/10.1027/2151-2604/a000194>
- Chow, J. C., Sayers, R., Fu, Y., Granger, K. L., McCullough, S., Kingsbery, C., & Morse, A. (2024). A systematic meta-review of measures of classroom management in school settings. *Assessment for Effective Intervention*, 49(2), 60–74. <https://doi.org/10.1177/15345084231208671>
- Comrey, A. L., & Lee, H. B. (1992). *A first course in factor analysis* (2nd ed.). Lawrence Erlbaum Associates.
- Costello, A. B., & Osborne, J. W. (2005). Best practices in exploratory factor analysis: Four recommendations for getting the most from your analysis. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 10(7), 1–9. <https://doi.org/10.7275/jyj1-4868>
- Dalawi, I., Isa, M. R., & Aimran, N. (2025). Exploratory factor analysis on the development and validation of the understanding, attitude, practice and health literacy questionnaire on COVID-19 in Malay language. *Scientific Reports*, 15, 19654. <https://doi.org/10.1038/s41598-025-04517-z>
- DeVellis, R. F. (2017). *Scale development: Theory and applications* (4th ed.). Sage.
- Emmer, E. T., & Sabornie, E. J. (2015). *Handbook of classroom management* (2nd ed.). Routledge.
- Evertson, C. M., & Weinstein, C. S. (2006). *Handbook of classroom management: Research, practice, and contemporary issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Field, A. (2018). *Discovering statistics using IBM SPSS statistics* (5th ed.). Sage.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage Learning.
- Hambleton, R. K., & Patsula, L. (1999). Increasing the validity of adapted tests: Myths to be avoided and guidelines for improving test adaptation practices. *International Journal of Testing*, 1(1), 1–30. [https://doi.org/10.1207/S15327574IJT0101\\_1](https://doi.org/10.1207/S15327574IJT0101_1)
- Howard, M. C. (2023). A systematic literature review of exploratory factor analyses in management. *Journal of Business Research*, 164, 113969. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2023.113969>
- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394–400. <https://doi.org/10.1177/0013164409355692>

- Korpershoek, H., Harms, T., de Boer, H., van Kuijk, M., & Doolaard, S. (2016). A meta-analysis of the effects of classroom management strategies and classroom management programs on students' academic, behavioral, emotional, and motivational outcomes. *Review of Educational Research*, 86(3), 643–680. <https://doi.org/10.3102/0034654315626799>
- Madadzadeh, F., & Bahariniya, S. (2025). Tutorial on internal consistency assessment by Cronbach's alpha and McDonald's omega. *Perioperative Care and Operating Room Management*, 41, 100568. <https://doi.org/10.1016/j.pcorm.2025.100568>
- OECD. (2021). *Education at a glance 2021: OECD indicators*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/b35a14e5-en>
- Sugai, G., & Horner, R. (2002). The evolution of discipline practices: School-wide positive behavior supports. *Child & Family Behavior Therapy*, 24(1–2), 23–50. [https://doi.org/10.1300/J019v24n01\\_03](https://doi.org/10.1300/J019v24n01_03)
- Sugai, G., & Horner, R. (2020). *School-wide positive behavioral interventions and supports: Implementation blueprint and self-assessment*. University of Oregon.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2019). *Using multivariate statistics* (7th ed.). Pearson.
- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). Making sense of Cronbach's alpha. *International Journal of Medical Education*, 2, 53–55. <https://doi.org/10.5116/ijme.4dfb.8dfd>
- UNESCO. (2020). *Education in a post-COVID world: Nine ideas for public action*. UNESCO.